

11 OCT 1999

DR MAHATHIR ADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PRESIDEN CONTE

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Presiden Lansana Conte dari Guinea di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian menghadiri mesyuarat delegasi kedua-dua negara.

Conte tiba di sini semalam untuk lawatan negara lima hari atas undangan Yang Di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Awal hari ini, Presiden Conte, yang mengetuai delegasi seramai 33 orang, diberikan sambutan negara di Dataran Parlimen di Kuala Lumpur.

Malam ini, Presiden Conte dijadualkan menghadiri satu jamuan negara di Istana Negara.

Semasa lawatannya ke negara ini, presiden Guinea itu juga akan melawat ibupejabat Perbadanan Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Lembaga Tabung Haji, Menara Kembar Petronas, Universiti Multimedia di Cyberjaya serta ibupejabat Telekom Malaysia dan ibupejabat Padi Beras National Bhd.

Republik Guinea, sebuah negara yang bahasa utamanya ialah Perancis, terletak di barat Afrika dengan lebih tujuh juta orang penduduk.

Ia kaya dengan sumber galian bauksit, besi dan berlian, di samping tanah yang subur sesuai untuk tanaman padi, tebu dan buah-buahan tropika.

-- BERNAMA

ES NAK